

01/02/2002

Negara Islam gagal guna kuasa petroleum

Lokman Ismail

ALLAH menganugerahkan kepada negara Islam di Timur Tengah dengan limpahan hasil petroleum yang amat bernilai.

Hampir 30 peratus pengeluaran petroleum dunia dikeluarkan di Timur Tengah. Selain itu, beberapa negara Islam seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Libya dan Sudan juga kaya dengan hasil petroleum.

Hasil petroleum dalam bentuk minyak mentah dan gas asli adalah sumber tenaga utama dunia.

Keperluan petroleum amat penting bagi menjana pelbagai jenis tenaga seperti jana kuasa elektrik, jentera dan enjin kenderaan.

Pendek kata, tanpa hasil petroleum manusia menghadapi masalah besar. Kehidupan manusia akan lumpuh dan terhenti tanpa sumber petroleum. Manusia tidak mampu menunjukkan kekuasaan tanpa menggunakan petroleum.

Ini bermakna sumber kekuatan manusia moden terletak di negara Islam. Umat Islam berkuasa mengawal dan menentukan kekuatan dunia dengan menggunakan senjata petroleum yang ada di perut bumi negara masing-masing.

Namun, apa yang berlaku sebaliknya. Negara Islam menjadi mangsa ketamakan pihak tertentu menguasai kekayaan hasil 'emas hitam'.

Dunia Islam yang luas menjadi sempit dan lemah yang dicetuskan oleh negara Islam sendiri, mahupun kuasa asing yang mengambil kesempatan terhadapnya.

Atlas dunia Islam amat luas. Ada 58 negara Islam di seluruh dunia. Takrif negara Islam ialah sesebuah negara mempunyai 50 peratus rakyatnya beragama Islam. Bilangan itu tidak termasuk enam negeri dalam Kesatuan Russia yang mempunyai majoriti penduduknya Islam.

Penguasaan Islam terhadap satu pertiga dunia bermula pada zaman kebangkitan empayar Bani Umayyah dan Bani Abasiah lebih 1,000 tahun lalu.

Namun, kejatuhan Bani Abasiah pada tahun 656 Hijrah kepada tentera Monggol menjadi tragedi kejatuhan Islam. Ia berterusan satu demi satu, termasuk kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511.

Umat Islam masih mempunyai kekuatan jika bersatu. Selain senjata petroleum, jumlah umat Islam di seluruh dunia dianggarkan melebihi satu bilion daripada lima bilion penduduk dunia. Mengikut bilangannya, umat Islam dan Kristian hampir sama ramai.

Dengan kekuatan itu umat Islam mampu menjadi kumpulan berkuasa. Jika pun keupayaannya tidak melebihi penganut agama lain, memadai kekuatannya setara.

Umat Islam dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain.

Malangnya, umat Islam perlu menerima hakikat kelemahan sekarang. Kebanyakan negara Islam dalam keadaan lemah dan ketinggalan.

Negara bukan Islam mengatasi negara Islam dalam pelbagai aspek. Rata-rata negara Islam ketinggalan jauh dari segi kekayaan, pembangunan, pendidikan, pertahanan dan teknologi berbanding negara lain.

Kesannya, kuasa umat Islam agak lemah. Dalam percaturan politik, kuasa dan ekonomi dunia, negara Islam dianggap minoriti. Kuasa negara Islam dipermainkan pada peringkat antarabangsa.

Biarpun, berjaya membentuk sokongan majoriti dengan dibantu negara bukan Islam dalam sesuatu isu keselamatan negara Islam, ia kemudiannya dinafikan oleh negara mempunyai kuasa veto. Tidak ada negara Islam dalam senarai negara mempunyai kuasa veto.

Sebab itu, masalah Palestin dan negara Balkan tidak pernah selesai.

Bukan tiada usaha dilakukan oleh negara Islam untuk menyelesaikannya.

Usaha negara Islam sekadar dilihat sokongan untuk saudara seagama, tetapi tidak memberi apa-apa kesan untuk mengubah keadaan sebenar.

Jelas, umat Islam tidak mempunyai pengaruh menentukan kepentingan sendiri. Tambahan lagi apabila negara Islam tidak bersatu dan dilabelkan pula sebagai pengganas.

Lebih malang apabila kuasa petroleum dimiliki negara Islam punca negara Islam dijadikan bahan rebutan kuasa asing.

Kuasa asing sering mengintai peluang untuk 'menguasai' negara Islam pengeluar petroleum. Penguasaan yang paling berkesan dilakukan terutama dengan sokongan ketenteraan dan ekonomi.

Lihat saja bagaimana campur tangan Amerika Syarikat dan sekutunya, serta Russia dalam perang Iran-Iraq yang berkaitan dengan perebutan medan petroleum. Kuasa asing membekalkan senjata serta sokongan agar kemenangan negara yang disokong dapat dijadikan umpan untuk menguasai negara berkenaan.

Peperangan dua negara Islam hanya merugikan umat Islam keseluruhannya. Kuasa asing bukan saja ingin menguasai, malah sebagai pasaran dan menguji senjata keluaran negara masing-masing.

Peperangan tidak menguntungkan kedua-dua pihak, menang jadi arang, kalah jadi abu. Keuntungannya diraih oleh musuh Islam.

Begitu juga dengan Perang Teluk membabitkan Iraq dan Kuwait, antara lain berpunca perebutan kawasan petroleum.

Ketika dua negara Islam berperang, kuasa asing sekali lagi mengambil kesempatan untuk menjaga kepentingan mereka sendiri.

Amerika dan sekutunya membantu Kuwait dan Arab Saudi kerana 'ada udang di sebalik batu'. Bantuan yang diberikan adalah satu pelaburan untuk meraih keuntungan.

Biarpun peperangan tamat lebih 10 tahun, Amerika masih menggunakan alasan keselamatan untuk menjadi 'tuan' di Kuwait dan Arab Saudi serta negara Arab lain.

Sebenarnya Amerika dan sekutunya bukan membantu Kuwait dan Arab Saudi, sebaliknya membantu industri pembuatan senjata, peluang menjadi medan menguji keupayaan sebenar senjata, menyelamatkan syarikat gergasi petroleum Amerika di kedua-dua negara itu.

Tambahan pula kos Operasi Desert Storm bukan ditanggung sepenuhnya oleh Amerika. Kos bernilai berbilion ringgit itu turut ditanggung oleh Arab Saudi dan Kuwait mengikut kepentingan wilayah masing-masing.

Berpunca sumber petroleum juga Afghanistan menjadi medan peperangan. Ia bukan setakat serangan Amerika sekarang yang dikaitkan dengan serangan peristiwa 11 September.

Sebaliknya, bumi Afghanistan yang kaya dengan petroleum belum diteroka itu menjadi punca perang saudara sejak berdekad-dekad lalu.

Russia membantu puak tertentu di Afghanistan dalam perang berlanjutan lebih lapan tahun kerana tertarik dengan sumber petroleum di perut bumi negara bergunung ganang itu.

Tindakan Russia itu sebagai mengimbangi penguasaan Amerika ke atas beberapa negara Islam lain.

Namun cita-cita besar Russia itu tidak kesampaian. Kumpulan Mujahiddin berjaya menghalau keluar kuasa terbesar dunia itu.

Puak Mujahiddin yang pada mulanya berjuang membebaskan negara, mula gila kuasa apabila menghidu kekayaan bakal diterima hasil petroleum yang bakal diteroka.

Amerika mula mencari rakan kongsi di Afghanistan. Namun peperangan sesama sendiri puak di Afghanistan menyukarkan Amerika memilih puak yang bakal dijadikan tanggungan.

Perang di Afghanistan mungkin tidak berlaku jika puak Islam di negara

berkenaan tidak berebut kuasa. Afghanistan boleh dibangunkan dan menolak sebaran cubaan menjadikannya pangkalan latihan sebarang pertubuhan lain, selain tenteranya sendiri.

Di Indonesia, hasil petroleum juga menjadi punca masalah. Aceh juga antara kawasan pengeluar utama petroleum di negara berkenaan. Disebabkan tidak puas hati dengan pentadbiran pusat dan yakin dapat berdikari dan menikmati sepenuhnya hasil petroleum, sekumpulan penduduk Aceh menyertai Gerakan Aceh Merdeka untuk mendapat kemerdekaan.

Hasil petroleum sepatutnya digunakan oleh negara Islam untuk membina kekuatan melawan kuasa bukan Islam. Sebaliknya hasil petroleum menjadikan negara Islam bercakar di antara satu sama lain. Akibatnya, kesempatan itu digunakan oleh kuasa asing untuk terus menguasai negara Islam yang terus lemah disebabkan bermusuhan sesama sendiri di antara negara atau pihak dalam negara.

Natijah kepada perpecahan sesama sendiri, umat Islam terus lemah dan ketinggalan. Negara Islam bergabung dalam bentuk forum dinamakan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Biarpun bilangan negara anggotanya besar, kuasanya masih relatif kecil berbanding pertubuhan lain.

OIC tidak dianggap berpengaruh dalam menentukan sesuatu agenda di peringkat antarabangsa membabitkan kuasa besar. Bahkan dalam keadaan tertentu, negara Islam sendiri tidak mematuhi ketetapan yang diputuskan oleh OIC apabila terpaksa tunduk kepada kuasa besar yang menguasai politik antarabangnya.

Sebab itu, setiap kali mesyuarat OIC tidak ada kesan atau perubahan besar untuk kepentingan negara Islam. Negara Islam terus tertindas dan mengalami nasib malang biarpun 'ditolong' oleh OIC dalam keputusan persidangan yang memihaknya.

OIC bersidang meminta supaya Amerika tidak menyerang Afghanistan. Tetapi permintaan OIC itu tidak memberi makna. Amerika tidak 'takut' kepada OIC yang dianggap tidak mampu memberi apa-apa tekanan kepadanya.

Sebenarnya kuasa minyak negara Islam amat kuat. Jika semua negara Islam bersatu memberi tekanan kepada Amerika pasti apa yang diputuskan atau dipinta oleh OIC akan didengar oleh Amerika.

Memang amat sukar untuk menentang Amerika jika dilakukan atas sifat sebuah negara. Sebaliknya jika semua negara Islam bersatu dalam satu pakatan membuat keputusan dan tindakan, kuasa asing terpaksa tunduk dengan kehendak itu.

Negara Islam setakat ini jika bergabung seluruhnya masih tidak mampu memerangi secara ketenteraan negara bukan Islam. Malah, perkara itu memang tidak mungkin dilakukan. Islam cintakan perdamaian. Peperangan hanya menyebabkan kemusnahan dan penderitaan.

Jika berlaku sesuatu kemungkaran, Islam mempunyai tanggungjawab menghalangnya. Pencegahan pertama dilakukan dengan tangan (kekuatan), sekiranya tidak mampu maka perlulah dengan perkataan dan selemah-lemahnya dengan hati.

Negara kita dianggap kumpulan yang sering 'mencegah' secara perkataan. Suara lantang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperjuangkan kepentingan negara Islam dan negara membangun sering menjadi perhatian sehingga ada pihak tidak senang hati.

Namun, rakyat Malaysia sendiri memperlekehkan kemampuan pemimpin kita. Malah, kemampuan Perdana Menteri sering dilabelkan amat buruk dan kejam. Sebab itu usaha menjatuhkan Perdana Menteri terus dilakukan biarpun terbukti Dr Mahathir seorang pemimpin terbaik, bukan saja dalam negara bahkan pada peringkat antarabangsa.

Rakyat yang terikut-ikut memperlekehkan Perdana Menteri, sebenarnya lebih percayakan kepada luar negara. Pemikiran penjajah masih kuat sehingga masih melihat Barat lebih baik dan berkuasa.

Ada pihak dalam negara meminta bantuan asing untuk menjatuhkan Dr Mahathir. Kiranya niat buruk itu berjaya, hancurlah maruah negara. Negara akan kembali dijajah.

Melaga-lagakan di antara Islam adalah strategi digunakan kuasa asing untuk melemahkan Islam keseluruhannya. Dalam keadaan lemah dan kucar kacir, umat Islam lebih mudah ditindas dan dipergunakan untuk kepentingan mereka.

Natijahnya, perpaduan umat Islam dalam keadaan lemah berpanjangan. Slogan memperjuangkan kepentingan agama hanya dijadikan alat atau topeng untuk mendapat sokongan. Sekiranya benar memperjuangkan kepentingan agama, sudah pasti tidak berlaku pertentangan sesama umat Islam.

Seorang Muslim tidak akan bermusuhan dengan Muslim lain. Tetapi apa yang berlaku sebaliknya. Ia bukan setakat berlainan ideologi politik, tetapi sehingga sanggup menganggap Muslim lain sebagai kafir.

Perbuatan mengkafirkan orang lain bermakna wujud permusuhan nyata. Saudara seagama dianggap musuh, sedangkan musuh pula dijemput untuk duduk serumah dan tidur sebentar.

Perbuatan itu mengikut telunjuk syaitan yang ingin melihat permusuhan sesama manusia. Sesiapa yang mengikut perbuatan syaitan, dialah 'wakil' syaitan dalam melakukan kejahatan di muka bumi dan bakal menemani syaitan di neraka.

Akibat perpecahan dan asas perancangan ekonomi lemah, negara Islam terus dalam kemiskinan dan huru-hara. Negara miskin mudah menyebabkan keadaan kehidupan rakyat tidak aman. Rakyat memberontak dan berlaku perang saudara yang berterusan.

Keadaan ini cuba diwujudkan di negara kita oleh musuh Islam. Mereka sukar menggugat negara secara langsung. Mereka, menggunakan kesempatan mengikut apa yang dilakukan oleh rakyat sendiri.

Demostrasi jalanan, biarpun melaungkan perjuangan dan sokongan kepada negara Islam yang ditindas, sebenarnya hanya permainan politik. Anasir luar sengaja ingin mewujudkan ketegangan melalui sokongan terhadap negara Islam oleh kumpulan yang mendakwa memperjuangkan Islam.

Apabila kerajaan menentang demostrasi, mereka menuduh kerajaan tidak menyokong perjuangan Islam. Hakikatnya, mereka yang mendakwa menyokong umat Islam itulah dipergunakan oleh pihak asing untuk memecahbelahkan umat Islam.

(END)